

22/08/2003

Memang Sally marah, memang Sally bengang

FITNAH adalah perbuatan paling zalim dan kejam yang sering dilakukan oleh manusia terhadap sesama manusia lain. Dari segi agama, perbuatan ini dijanjikan dengan dosa besar dan seberat-berat hukuman di akhirat kelak.

Inilah yang boleh Sally katakan terhadap tulisan Wak Jali melalui pojoknya minggu lalu yang menyerang Sally tanpa sebab-musabab. Memang sedih dan pedih menerima fitnah sedemikian. Bagaimanapun Sally serahkan kepada pembaca semua untuk menilai akan kebenaran tulisannya itu.

Terus terang, lebih 99 peratus tuduhan dan cerita tak masuk akal beliau minggu lalu itu adalah palsu. Hingga kini Sally masih belum dapat memikirkan mengapa beliau tergamak mereka-reka cerita tak masuk akal dan berbau fitnah terhadap Sally itu.

Kerana tulisan yang tidak bertanggungjawab itu, anak Sally telah menangis sepanjang malam Jumaat lalu. Dia tahu bahawa tulisan berkenaan adalah tidak benar.

Memang Sally marah, memang Sally bengang. Ketika mula-mula membaca pojok berkenaan, bagai terhenti sekejap denyutan jantung Sally dibuatnya. Sally tercari-cari apakah salah Sally hingga dicela dan dihina sedemikian. Sally bertambah berang apabila si Wahab dan sahabat karibnya si Mail Sengih yang tak ada kena mengena pun turut jeling-jeling dan senyum sinis kepada Sally. Tapi Sally buat tak tahu saja.

Mulanya ada rakan sepejabat yang bersimpati dengan Sally mengesyorkan agar Sally membuat saman malu di mahkamah dan tuntutan ratus-ratus ribu daripada Wak Jali. Tapi Sally maklum, kalau Sally menang bicara pun, dia tak akan mampu membayarnya. Ini kerana semua orang tahu beliau bukanlah manusia berduit. Dalam kata lain, dia pun lebih kurang sama saja macam suku-sakatnya, iaitu kaki pancing yang lain - kaki pokai dan papa kedana di tah

Malah kalau dia dipenjara pun masalah tidak akan selesai. Seperti orang lain, dia mempunyai keluarga yang perlu ditanggung. Memikirkan ini semua, Sally tidak tergamak bertindak sedemikian, walaupun Sally amat berhak untuk melakukannya.

Dalam hal ini, Sally ingin mencontohi sikap dan sifat Perdana Menteri kita yang walaupun dihina dan dicerca oleh pihak yang tak tahu dek untung, masih tetap cool dan bijaksana. Malah, apabila seorang pelukis tiga suku menyamakan wajah Perdana Menteri dengan haiwan pun, Dr Mahathir masih tidak mahu bertindak terhadap pelukis dan akhbar yang menerbitkan kartun berkenaan.

Bak kata Perdana Menteri, beliau tidak perlu melayani tindakan mereka yang rendah moralnya itu, kerana ia akan hanya menurunkan taraf, martabat dan kebijaksanaan yang beliau miliki ke taraf mereka yang sememangnya tidak bertamadun itu.

Maka, dalam hal ini, tindakan Sally terhadap pojok Wak Jali adalah sama dengan tindakan PM terhadap pihak-pihak yang menghentam beliau selama ini. Yang penting, semua orang tahu siapa di pihak yang benar dan siapa yang moralnya di tahap paling rendah.